

Produk serbuk herba boleh dijadikan sumber pendapatan petani, warga kampung: Rosey

2020-02-20T01:00:01+08:00



USAHAKAN: Rosey (lima kanan) serta yang lain memegang antara produk tanaman yang boleh dijadikan sebagai serbuk herba di Bekenu, baru-baru ini.

MIRI: Para petani dan penduduk kampung digalakkan untuk melibatkan diri dalam penghasilan produk serbuk herba bagi dipasarkan di luar dalam usaha membantu menjana pendapatan.

Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak Rosey Yunus berkata, kerajaan Sarawak sentiasa menggalakkan penduduk kampung khususnya petani untuk berbakti kepada tanah yang dimiliki dengan pertanian moden.

“Rempah ratus tradisional atau serbuk-serbuk herba sentiasa dan semakin mendapat permintaan yang tinggi di pasaran.

“Oleh itu, rebut peluang sebegini untuk kita menjana dan meningkatkan pendapatan masing-masing,” jelasnya.

Rosey berkata demikian pada majlis perasmian Kursus Pemprosesan Serbuk Herba (Kunyit, Serai, Lengkuas dan Halia) di Bekenu, baru-baru ini.

Hadir sama pada kursus terbabit ialah Pemanca Ali Mudan dan Tuai Rumah (TR) Epat Bakar. Menurut Rosey, penduduk di kawasan berkenaan bertuah kerana memilik tanah sendiri bagi menghasilkan tanaman terbabit (kunyit, serai, lengkuas dan halia).

“Melalui hasil tanaman itu kelak, ia diproses menggunakan kaedah pertanian moden yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri untuk memproses tanaman berkenaan menjadi serbuk.

“Produk-produk herba ini bukan sahaja mendapat permintaan di seluruh Sarawak, bahkan turut mendapat sambutan dari negara-negara Asia kerana ia mempunyai khasiat dan rasanya tersendiri,” ujarnya.

Di Sarawak jelasnya, produk-produk herba berkenaan ditanam dan dihasilkan oleh penduduk kampung untuk dimakan sendiri atau dijual di pasar-pasar tempatan.

Katanya, jika herba terbabit diproses menjadi serbuk dan dipasarkan ke luar negeri dan negara, bukan sahaja memberi pulangan pendapatan yang lumayan dalam industeri kotej tetapi membantu mempromosikan khasiat yang ada.

Rosey yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Bekenu menegaskan, ia adalah inisiatif kerajaan GPS dalam mengkaji semula pertanian menerusi teknologi moden.

“Memandangkan kita mempunyai sumber (herba dan tanah) dan menghasilkannya melalui pertanian moden, maka secara langsung kita telah membantu meningkatkan pendapatan untuk petani dan penduduk di kawasan luar bandar,” tambahnya.

Pada masa sama, beliau turut menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian kerana ia dilihat antara peluang perniagaan yang membolehkan mereka membuka pasaran baharu.

Dalam konteks itu katanya, Jabatan Pertanian akan terus menganjurkan pelbagai kursus asas pertanian dari semasa ke semasa dengan melibatkan belia dan suri rumah serta masyarakat luar bandar.

Sementara itu, kursus sehari tersebut telah mendapat sambutan menggalakkan dengan disertai 38 peserta sekitar Bekenu.